

01 NOV 1998

Cuepacs-Insentif

CUEPACS AKAN RAYU INSENTIF BAGI KAKITANGAN AWAM

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan merayu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya hampir 800,000 kakitangan kerajaan diberi insentif sebagai ganti kepada bonus yang tidak dapat diberi tahun ini berikutan kegawatan ekonomi.

Presidennya, Abdul Aziz Mohd Sutan berkata, mesyuarat kongres yang disertai oleh 70 anggota gabungan kesatuan hari ini membuat keputusan supaya Cuepacs mengemukakan rayuan insentif itu kepada Dr Mahathir.

Insentif itu diperlukan atas beberapa sebab antaranya menampung kenaikan harga barangan keperluan dan membantu kakitangan berpendapatan rendah membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak, katanya kepada pemberita di Wisma Cuepacs di sini.

Insentif itu juga akan membolehkan kakitangan membiayai keperluan bagi menyambut Hari Raya pada Januari dan sebagai ganti bagi pekerja yang terpaksa menanggung tekanan kewangan kerana bayaran elaun lebih masa, perjalanan dan beberapa elaun lain telah dikurangkan kerana langkah berjimat cermat kerajaan.

"Bila perkataan bonus tidak disebut dalam belanjawan 1999, kita rasa amat dukacita. Walaupun bonus tidak disebut, namun kita akan rayu kepada Perdana Menteri untuk menimbang insentif bagi kakitangan perkhidmatan awam," dan Cuepacs akan mengirim surat kepada pejabat Perdana Menteri bagi mengadakan pertemuan itu, katanya lagi.

Abdul Aziz juga berkata mesyuarat kongres telah menyuarakan sokongan kepada kepimpinan kerajaan dan Yang di-Pertuan Agong dan membantah sebarang tindakan yang bertentangan dengan undang-undang termasuk perhimpunan haram gerakan reformasi oleh penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Cuepacs juga menyeru pihak berkuasa supaya sentiasa berhati-hati dan bertindak berlandaskan undang-undang dalam menghadapi perhimpunan haram itu supaya ia tidak melibatkan orang-orang yang tidak terbabit.

Beliau berkata Cuepacs menerima aduan daripada badan gabungan bahawa ada kalangan kakitangan kerajaan yang tidak terbabit dalam perhimpunan haram ditahan polis.

"Pejabat kerajaan kini mengamalkan waktu kerja anjal, ada di kalangan kakitangan kerajaan yang ditahan semasa menunggu bas, ada yang sedang makan di gerai dan ada yang hendak pulang selepas waktu kerja," katanya.

Mengenai cuti sehari pada Sabtu setiap bulan, katanya, Cuepacs akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung lebih 15 minit waktu kerja dari Isnin hingga Jumaat.

Cuepacs tidak setuju dengan tambahan 15 minit waktu kerja itu malah Perintah Am Kerajaan yang menetapkan waktu kerja 46 jam seminggu kepada 42 jam seminggu selaras dengan Akta Kerja.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata beliau tidak akan mempertahankan jawatannya itu pada pemilihan kongres itu pada Disember ini kerana akan bersara daripada perkhidmatan awam pada 11 Jun tahun depan.

Dengan itu jawatan presiden kesatuan itu akan menghadapi pertandingan antara setiausaha agung Cuepacs N. Siva Subramaniam daripada Kesatuan Kebangsaan Perkhidmatan Perguruan (NTUC) dan Haji Mohd Yusop Harmain Shah daripada Kesatuan Perkhidmatan Teknikal Malaysia (MTSU).

-- BERNAMA

ARA PR

